

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (6)

10 Januari 2025
10 Rejab 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4/2025

PENAMBAHBAIKAN SYARAT PENGESAHAN JAWATAN STAF AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pengesahan dalam perkhidmatan dilaksanakan berdasarkan Peraturan 29, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012]. Bagi membolehkan seseorang pegawai disahkan dalam perkhidmatan, pegawai perlu memenuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan atau apa-apa syarat lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 23/2024 bertarikh 18 Disember 2024 telah bersetuju untuk menambah baik syarat pengesahan dalam perkhidmatan staf akademik. Penambahbaikan ini adalah selaras dengan keperluan memastikan kelangsungan UTM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang mengambil serius terhadap pencapaian staf akademik dalam penyelidikan dan penerbitan.

3. Syarat tambahan pengesahan jawatan staf akademik yang telah diluluskan oleh Universiti adalah seperti berikut :

- i. Sekurang-kurangnya satu (1) Penerbitan (SCOPUS/WOS/ERA);
- ii. Sekurang-kurangnya satu (1) peranan sebagai Ketua Projek Penyelidikan (PI); dan
- iii. Pencapaian h-index (SCOPUS/WOS) sekurang-kurangnya satu (1).

4. Sehubungan dengan itu, syarat pengesahan jawatan staf akademik dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah di UTM yang terkini adalah seperti berikut:

SYARAT UMUM

- i. Memenuhi tempoh percubaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan tidak melebihi tiga (3) tahun;
- ii. Menghadiri dengan jayanya Program Transformasi Minda;
- iii. Lulus peperiksaan yang disyaratkan seperti yang ditetapkan skim perkhidmatan (jika berkaitan); dan
- iv. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

SYARAT TAMBAHAN YANG DITETAPKAN OLEH UNIVERSITI

- i. Mempunyai rekod kehadiran yang cemerlang;
- ii. Memperoleh markah penilaian prestasi sebanyak 80% dan ke atas, tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Melantik;

- iii. Menghadiri dengan jayanya Kursus *Baseline Competency for Differentiated Career Pathways* (BC4DCP);
- iv. Lulus Perisytiharan Harta;
- v. Sekurang-kurangnya satu (1) Penerbitan (SCOPUS/WOS/ERA);
- vi. Sekurang-kurangnya satu (1) peranan sebagai Ketua Projek Penyelidikan (PI); dan
- vii. Pencapaian h-index (SCOPUS/WOS) sekurang-kurangnya satu (1).

5. Penambahbaikan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2025** dan terpakai kepada semua staf akademik yang belum disahkan dalam perkhidmatan. Semua staf akademik adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai perubahan ini.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZAIRES BIN MD DARIS)

Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k. -
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah